

**PENGAKUAN PELEPASAN TANGGUNGAN DAN WAKIL KUASA BAGI TUJUAN PEMERIKSAAN KENDERAAN**  
(DIISI OLEH PEMILIK KENDERAAN BERDAFTAR)

1. Saya/Kami ..... No.KP/No. Syarikat : .....  
(Nama seperti dalam Kad Pengenalan)

("Pemilik Kenderaan") untuk No. Pendaftaran Kenderaan.....("Kenderaan") dengan ini mengaku: -  
(No. Pendaftaran / Casis)

- (a) bahawa berdasarkan pengetahuan saya/kami, Kenderaan ini bukanlah Kenderaan curi dan tiada sebarang pengubahsuaian/kacau ganggu/modifikasi/potong sambung tanpa kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dilakukan ke atas Kenderaan ini termasuk dan tidak terhad kepada nombor enjin dan/atau nombor casis Kenderaan ini;
- (b) memahami dan menerima syarat-syarat pemeriksaan kenderaan semasa pemeriksaan dijalankan seperti berikut:
  - i. Sekiranya Kenderaan ini tidak mematuhi Akta Pengangkutan Jalan 1987, Peraturan Standard Pemeriksaan Berkala Kenderaan Motor dan Peralatan 1995 dan/atau mana-mana undang-undang berkaitan kepada pemeriksaan-pemeriksaan tersebut, PUSPAKOM berhak menggagalkan pemeriksaan Kenderaan dan membuat rujukan kepada jabatan/agensi kerajaan yang berkaitan untuk siasatan lanjut.
  - ii. Laporan/Sijil Pemeriksaan PUSPAKOM adalah berdasarkan kepada keadaan kenderaan pada masa pemeriksaan kenderaan dijalankan oleh PUSPAKOM.
  - iii. Tidak akan membuat tuntutan ganti rugi kepada PUSPAKOM sekiranya Kenderaan ini dikesan atau disyaki terlibat dengan potong sambung, usik atau ganggu pada Kenderaan oleh PUSPAKOM.
  - iv. PUSPAKOM tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang tuntutan kerosakan atau kehilangan setelah Kenderaan keluar dari Premis PUSPAKOM, sebaik selesai pemeriksaan.
  - v. PUSPAKOM tidak akan bertanggungjawab dan/atau akan menanggung apa-apa liabiliti, tuntutan, tindakan, prosiding, kerugian, kehilangan, kerosakan, kecederaan, perbelanjaan dan/atau apa-apa kos yang ditanggung oleh Pemilik Kenderaan, Pembawa Kenderaan, atau sesiapa pun pada sebelum, semasa dan/atau selepas pemeriksaan Kenderaan tersebut sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung, termasuk sebarang kecauaian, penipuan, kesilapan yang dilakukan ke atas Kenderaan.

2. Sebarang aduan hendaklah dilakukan oleh Pemilik Kenderaan sahaja dengan membawa salinan asal Laporan/Sijil Pemeriksaan yang telah dikeluarkan oleh PUSPAKOM.

3. Kadar bayaran pemeriksaan (tidak termasuk GST) yang dikenakan oleh PUSPAKOM:

Bil.	Jenis Pemeriksaan	Kadar Bayaran
1.	Awalan	Dari RM 40.00 hingga RM 90.00 bergantung kepada jenis kenderaan
2.	Berkala	Dari RM 35.00 hingga RM 75.00 bergantung kepada jenis kenderaan
3.	Tukar Milik	RM 30.00 untuk semua jenis kenderaan persendirian
4.	Khas	Dari RM 20.00 hingga RM 50.00 bergantung kepada jenis kenderaan
5.	Sewa Beli	RM 60.00 untuk semua kenderaan persendirian dan syarikat
6.	Lain-lain	Sila rujuk <a href="http://www.puspakom.com.my">www.puspakom.com.my</a> atau hubungi 1800 88 6927

Sekiranya menggunakan perkhidmatan Servis Premier, caj perkhidmatan akan dikenakan bersama-sama dengan caj pemeriksaan di atas.

**WAKIL KUASA (JIKA DIBAWA OLEH WAKIL PEMILIK KENDERAAN)**

4. Saya/Kami dengan ini memberi kuasa kepada .....  
(Nama seperti dalam Kad Pengenalan)

No. K/P: ..... membawa Kenderaan ini bagi pihak diri saya/kami untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan dengan PUSPAKOM. Saya/Kami akan bertanggungjawab sepenuhnya keatas Pembawa Kenderaan saya/kami dan terhadap perkara-perkara berkaitan di atas.

Tandatangan (Pemilik) : ..... Tarikh : .....

Alamat (Pemilik) : .....

No. Tel. & E-mel (Pemilik) : .....

Cop Syarikat (Pemilik) : .....

**AMBIL PERHATIAN: PUSPAKOM tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang sekiranya terdapat pemalsuan pada Pengakuan Pelepasan Tanggungan dan Wakil Kuasa ini.**

**NOTIS PRIVASI** Anda dengan ini dimaklumkan bahawa PUSPAKOM mematuhi keperluan Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010. Data peribadi anda yang diberikan kepada PUSPAKOM atau diperolehi oleh pihak jabatan/agensi kerajaan bertujuan untuk kami, ejen kami dan/atau pihak otoriti tertentu menyediakan perkhidmatan kami kepada anda dan anda dengan ini dianggap membenarkan penggunaan data tersebut. Sebarang pertanyaan lanjut sila rujuk laman web [www.puspakom.com.my](http://www.puspakom.com.my)